



## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PERHIMPUNAN UMMAH  
SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL  
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1446H/2024M**

**PADA 16 SEPTEMBER 2024 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI  
DI DEWAN SRI PINANG**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

*Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,*

*Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya 'I Wal Mursalin,*

*Saidina Muhamadin Wa'ala Aalihi Wasahbihi Ajmain.*

**YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid**

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang,

**YB Dato' Haji Zulkifli bin Long**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

**Sahibus Samahah Prof. Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman**

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

Senator dan Ahli-ahli Dewan Rakyat,

YBhg Dato'-Dato', Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,

Tuan-tuan dan Puan-puan, muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan kepada Allah SWT, atas limpahan rahmat dan kurniaan-Nya dan dengan izin dan kasih sayang-Nya, kita diberi kesempatan untuk berkumpul di **Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1446 Hijrah, bersamaan dengan 2024 Masihi pada pagi yang mulia ini.**

2. Selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, serta kepada keluarga dan para sahabat baginda yang telah berkorban seluruh kehidupan dan berdedikasi dalam menyebarkan risalah Islam sehingga kita hari ini sama-sama dapat merasai dan mengamalkan ajaran Islam dengan penuh nikmat kesyukuran.

3. Saya bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan semua hadirin bagi menyempurnakan perasmian majlis yang amat bermakna ini. Semoga kehadiran dan setiap amalan kita dalam majlis ini diberkati dan diterima oleh Allah SWT, serta menjadi sumber inspirasi dan panduan dalam memperteguh iman dan memperbaiki akhlak kita sesuai dengan ajaran Rasulullah SAW.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah SWT,

4. Tanggal 12 Rabiulawwal tahun Gajah merupakan satu tarikh yang akan tersemat dalam hati dan jiwa umat Islam sebagai satu permulaan titik sejarah kebangkitan Islam yang tidak dilupakan. Saban tahun tarikh bersejarah ini disambut di seluruh negara termasuk di Negeri Pulau Pinang bagi memperingati hari kelahiran Baginda Nabi SAW.

5. Penganjuran sambutan Maulidur Rasul pada hari ini mempunyai nilai hasrat yang tinggi untuk mengenang dan menghargai nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat Islam, iaitu pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi terakhir. Pengutusan ini amat ternilai dan menjadikan kehidupan kita lebih bermakna. Tanpa pengutusan baginda, kehidupan kita pastinya akan diselubungi oleh kegelapan dan kejahilan.

6. Oleh yang demikian, sambutan ini tidak wajar diraikan sebagai program rutin rasmi agama semata-mata tetapi dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengajak umat Islam, khususnya di Negeri Pulau Pinang, untuk mengingati dan menghayati sirah dan sunnah Rasulullah SAW dengan penuh rasa kecintaan, keinsafan dan kesedaran.

7. Sebagaimana kita sedia maklum, Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk menyempurnakan keindahan akhlak. Justeru, adalah wajar kita meneladani akhlak mulia yang ditonjolkan oleh Baginda SAW. Kesempurnaan akhlak Rasulullah SAW dapat dilihat dengan ketara melalui perilaku Baginda dalam sebesar-besar urusan kehidupan sehingga sekecil-kecil perkara termasuklah cara Baginda berkomunikasi.

8. Stanley Lane Poole, pakar sejarah terkenal di Barat, melalui buku beliau berjudul, ‘The Speeches and Table Talk of Prophet Muhammad’, turut menukilkan keagumannya terhadap kesempurnaan akhlak Baginda SAW dalam berkomunikasi dengan mengatakan, “Terhimpun pada dirinya (Nabi Muhammad SAW) sifat lemah lembut dan gagah berani sehingga seseorang yang cuba menilainya akhirnya mengagumi dan mengasihinya.” Begitulah betapa indahnya kesempurnaan akhlak Rasulullah SAW.

9. Justeru pada kesempatan ini, saya ingin mengajak sidang hadirin dan hadirat sekalian untuk bermuhasabah sejauh manakah tahap kecintaan kita kepada baginda Nabi Muhammad SAW agar ia tidak sekadar meniti di bibir namun terpasak kukuh di sanubari. Sesungguhnya kecintaan kita kepada Rasulullah SAW tidak hanya dizahirkan melalui kata-kata tetapi juga dengan mengamalkan sunnahnya untuk membangunkan ummah.

Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian,

10. **Pemilihan tema sambutan Maulidur Rasul pada kali ini, ‘Al-Falah Pemacu Malaysia Madani’ adalah tepat sekali, sebagai usaha** yang jelas ke arah pembentukan ummah berkualiti dalam menuju kejayaan yang hakiki di dunia dan akhirat. Dalam hal ini saya menyeru agar pengertian tema ini dihayati sepenuhnya sebagai pemangkin kepada perubahan diri dan kejayaan berkekalan khusus nya di Negeri Pulau Pinang.

11. Prinsip hormat atau adab dalam konteks Malaysia Madani, membawa maksud keterangkuman budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan yang dilihat bukan semata-mata sebagai asas kepada pembentukan sahsiah, tetapi juga sebagai teras utama kepada sebuah peradaban bangsa. Hanya manusia yang memiliki sifat hormat, beradab dan berakhlak akan dianugerahkan kejayaan sebenar atau Al-Falah dalam kehidupan di dunia dan akhirat seperti yang digariskan dalam syariat Islam.

Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian,

12. Mutakhir ini, kita disajikan dengan pelbagai isu yang terkait dengan umat Islam samada dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Pelbagai cabaran yang menghimpit umat Islam menuntut kita lebih prihatin dalam mempersiapkan diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan. Sesungguhnya kesenjangan yang lebih besar bakal berlaku seandainya umat Islam terus leka dengan meninggalkan tradisi keilmuan yang sebenarnya telah menjadi tonggak kegemilangan Islam pada suatu masa dahulu.

13. Sejarah telah membuktikan bahawa pembudayaan ilmu dalam masyarakat Islam telah bermula sejak zaman penurunan al-Quran. Wahyu pertama yang mengandungi perintah membaca membuktikan kepentingan ilmu dalam Islam. Ilmu yang disertai dengan iman akan menatijahkan takwa yang merupakan syarat utama pencapaian Al-Falah. Sebuah tamadun yang unggul dan mampan tidak terbina dengan sekelip mata tetapi berakar umbi dengan memanfaatkan nilai keilmuan dan penguasan ilmu yang sebenar.

14. Oleh itu, umat Islam perlu berusaha lebih gigih bagi mencari solusi terbaik untuk melakukan anjakan lebih besar dalam konteks transformasi pembangunan ummah. Sejajar dengan Gagasan Malaysia Madani, semangat daya cipta dan inovasi perlu dibudayakan bagi memastikan idea-idea baharu yang lebih segar dapat dijana bagi manfaat umat Islam khususnya di negeri ini.

15. Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang terbaik untuk dijadikan contoh tauladan, khususnya kepada golongan muda. Kepimpinan yang berdaya cipta adalah juga perlu bagi kita terus berdaya saing. Golongan muda perlu dibangunkan berpaksikan kekuatan fizikal dan intelektual, selari dengan kekuatan spiritual. Adalah juga penting semangat daya cipta terus di pupuk bagi mencorak revolusi digital dan teknologi berteraskan nilai dan etika Islam untuk menjamin perubahan lanskap dunia yang lebih makmur dan sejahtera.

Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian.

16. Al-Falah Pemacu Malaysia Madani dalam konteks membangunkan Negeri Pulau Pinang dapat dilihat dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 dengan pengukuhan ekonomi yang insklusif melalui kesejahteraan dan keadilan dalam pembangunan insfrasuktur dan sosial serta pendidikan yang berkualiti. Selain itu, kerajaan negeri juga menyokong usaha-usaha bagi menyediakan kemudahan dan sumber daya yang mencukupi serta pengukuhan persaudaraan dan kesejahteraan melalui kerjasama, dengan saling memahami nilai-nilai murni keharmonian masyarakat yang berbilang bangsa.

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran Majlis ini. Semoga segala manfaat yang diperolehi dapat menambah baik diri kita sebagai individu serta juga masyarakat, negeri serta negara kita seluruhnya.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*